A portrait of Muhammad Ali Hashim, an elderly man with white hair and a mustache, wearing a dark blue suit jacket over a light blue shirt. He is smiling slightly and has his hands clasped in front of him. The background is a dark blue gradient.

“Strategi dan senjata paling penting ialah menjadikan bisnes satu Jihad... Teras sistem ekonomi Khalifah ialah ... menjana harta kekayaan dan membina kuasa ekonomi ummah.”

Khalifah GANTI Superman

MUHAMMAD ALI HASHIM



FORUM WAQAF KUWAIT, 22.2.2009
(Bersama Mufti Besar Lebanon serta Ketua Setiausaha, Penguasa Waqaf Kuwait)

Darjat Khalifah bagi Melayu-Muslim sangat penting, bukan sahaja untuk mereka, bahkan untuk kepentingan besar jangka panjang pembentukan bangsa Malaysia dan kesejahteraan negara amnya. Kerana, satu bangsa Malaysia yang berdikari dengan penuh keyakinan diri tidak akan lahir selagi penduduk majoritinya, iaitu Melayu-Muslim, lemah, *dependent*, dijajah minda dan bergolak jiwanya, justeru tidak berjati diri, bebas dan merdeka dalam erti kata sebenarnya.

'WAQAF KORPORAT'



Penulis mewakili JCorp mewakafkan saham-saham PLC bernilai RM200 juta (NAB) dalam majlis akad wakaf bersama Dato' Nooh Gadot, Mufti Negeri Johor pada 3 Ogos 2006.



وقف النور كورپوريشن برحد
WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD



Program Bantuan Modal Waqaf Dana Niaga untuk suri rumah & ibu tunggal



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Khalifah GANTI Superman


MUHAMMAD ALI HASHIM

PUSTAKA PERDANA



1008906

PERDANA PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



Diterbitkan oleh:

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd

No. 1 & 3, Jalan 3/91A

Taman Shamelin Perkasa, Cheras

56100 Kuala Lumpur

Tel: 03-92856577

Fax: 03-92846554/92875763

laman web: www.mybooks.com.my

© *Muhammad Ali Hashim*

Terbitan Pertama 2011

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhammad Ali Hashim

Khalifah ganti superman / Muhammad Ali Hashim.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 394

ISBN 978-967-61-2516-3

1. Economy--Religious aspect--Islam.

2. Business--Religious aspect--Islam.

I. Judul.

330.088297

Dicetak oleh:

UNIPRESS PRINTER SDN BHD

Lot 123A, Jalan TIAJ 2/1

Taman Industri Alam Jaya

Bandar Puncak Alam

42300 Selangor Darul Ehsan



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kandungan

<i>Dedikasi</i>	vi
<i>Prakata – Memperkasa Ekonomi Bangsa dan Umat</i>	vii
<i>Pengantar – Jangan Biarkan Superman Menguasai Minda dan Jiwa</i>	1
Bab 1 Bisnes Satu Peperangan	21
1.1 Umat Islam bagai Katak Direbus	22
1.2 Iktibar Tragedi Cherokee	30
1.3 Bisnes Satu Peperangan	36
1.4 Jangan Membabi Buta	41
1.5 Peperangan Bisnes Satu Jihad	48
1.6 Jadikan Bisnes Wadah Perjuangan	56
Bab 2 Bisnes Satu Perjuangan	63
2.1 Khalifah Ganti Superman	64
2.2 Semangat Jihad untuk Kecemerlangan Bisnes	73
2.3 Terapkan Nilai Keusahawanan Islam	79
2.4 Jangan Biarkan Rakus Berleluasa	85
2.5 Korporat untuk Komuniti	91
Bab 3 Menyusun Strategi	99
3.1 Siapa Kata Ketam Berjalan Tidak Betul?	100
3.2 Dinosaur Ancam Kita	105
3.3 Iktibar Episod Sime Darby	113
3.4 Model Baru Ekonomi: 6 Usul Utama DPIM	120
3.5 Jangan Ketepikan Peranan Kerajaan dan GLC	126
3.6 Keusahawanan Islam	134
Bab 4 Waqaf Korporat Benteng Perkasa	145
4.1 Silap Langkah Jadi Sekangkang Semut	146
4.2 Waqaf Korporat untuk Jihad Bisnes	152
4.3 Pendekatan <i>Bunyanun Marsus</i> – Menyusun Saf Organisasi	162
4.4 Impak Gagasan Waqaf Korporat	169
4.5 Bisnes Cara Islam Rahmat untuk Semua	175



Bab 5	Waqaf Korporat Membela Komuniti	181
5.1	Jadi Usahawan Walau Tiada Modal. Contoh: Halmi Jasmin	182
5.2	PKS Menuju MNC. Contoh: Dato Abdul Hak Mohd Amin	187
5.3	Usahawan Ibu Tunggal	193
5.4	Mutawif JCorp: Peluang Bisnes Usahawan Agama	201
5.5	Sukarelawan Briged Waqaf – Misi Amal Waqaf Korporat	208
5.6	Peranan Waqaf Korporat Menyeimbangkan Hak Milik Hartanah	214
Bab 6	Pembaharuan Berorganisasi	220
6.1	Bisnes Teras Ekonomi Baharu	221
6.2	Kereta Api Baharu, Kereta Api Lama	227
6.3	Kereta Api Baharu, Landasan Lama	234
6.4	Syura Teras Korporat Islam	240
6.5	PBT Pasir Gudang PBT Berdikari	247
Bab 7	Nilai Budaya Senjata Utama	254
7.1	Usah Jadi Gajah Sarkas	255
7.2	Melayu Perlu “Bisneskan” Budaya	261
7.3	Belajar Anyam Tikar Dahulu	269
7.4	Bisnes Halal Satu Jihad	276
7.5	Islam Tidak Antikekayaan	283
7.6	Fitnah Boleh Memusnah	290
Bab 8	Sumber Motivasi Luar Biasa	296
8.1	Berani Mengharungi Lautan Api	297
8.2	Kebolehan Luar Biasa	305
8.3	Usahawan Berhikmah: Rezeki Secupak Boleh Jadi Segantang!	313
8.4	Korporat Bukan Keparat	319
8.5	Aqabah – Lambang Bandar Islamik	326
8.6	Jihad Bisnes ke Mumbai	334

Bab 9 Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat Institusi Pembaharuan	341
9.1 Jangan Jadi “Unta Buta”	342
9.2 “Catur Bistari”, bukan “Monopoly”	349
9.3 Tuntutan Amanah dalam Bisnes	356
9.4 Tanpa Amanah Tiada Jihad Bisnes	361
9.5 Unta dan Guni Kosong	368
Bab 10 Kesimpulan – Khalifah Alaf Baru	374
Pembaharuan Menerusi Bisnes	376
Khalifah Ekonomi	378
Jihad Bisnes Jihad Wasata	382
GLC dan Waqaf Korporat Institusi Amanah	385
Pascakata – Jihad Politik Penentu Masa Depan	389
<i>Bibliografi</i>	395
<i>Indeks</i>	399

Dedikasi

Khas untuk semua rakan seperjuangan di Johor Corporation dan kumpulan syarikatnya serta rakan seperjuangan di Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) yang seangkatan dan bersatu saf dalam perjalanan menjayakan Jihad Bisnes. Dengan doa semoga perjuangan Jihad Bisnes ini terus berkesinambungan.

Sebahagian besar buku ini adalah hasil penyusunan semula 60 rencana mingguan *Minda Bistari** yang diterbitkan di *Harian Metro* pada setiap Khamis, dari 10 September 2009 hingga 21 Oktober 2010. Terima kasih kepada *Harian Metro* atas segala bantuan dan kerjasama serta kesudian menerbit.

Ia juga mengandungi pengisian siri ceramah saya di IPTA-IPTA di bawah Program Gerak Usahawan Siswa dan siri ceramah program Halal dan Togyiban anjuran JCorp dengan kerjasama Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) sepanjang 2009 dan 2010.

Siri ceramah ini membabitkan hampir 50 000 pelajar dan usahawan seluruh negara anjuran KFC Holdings Malaysia Bhd dan Ayamas Foods Corporation Sdn Bhd. Saya terhutang budi kepada KFC dan Ayamas.

Sekalung budi kepada Saudara Mohd Tarmizi Ahmad yang banyak membantu menjayakan penulisan ini.

**Istilah 'Bistari' merujuk kepada gagasan membina barisan usahawan dan ahli bisnes Melayu-Muslim yang bebas berdikari. Ciri utama usahawan Bistari ialah kejayaan semua berhijrah daripada kerangka usahawan subsidi atau rent-seeking kepada Usahawan Islamik atau Islamic entrepreneurs.*

Memperkasa Ekonomi Bangsa dan Umat

Darjat Khalifah bagi Melayu-Muslim sangat penting, bukan saja untuk mereka, bahkan untuk kepentingan besar jangka panjang pembentukan bangsa Malaysia dan kesejahteraan negara amnya. Kerana, satu bangsa Malaysia yang berdikari dengan penuh keyakinan diri tidak akan lahir selagi penduduk majoritinya, iaitu Melayu-Muslim, lemah, dependent, dijajah minda dan bergolak jiwanya, justeru tidak berjati diri, bebas dan merdeka dalam erti kata sebenarnya.

Pembaharuan Jati Diri

Bangsa Melayu dan umat Islam kini dalam keadaan sangat tertekan. Rendahnya tahap pencapaian ekonomi tidak lagi mengizinkan diulangi kaedah lama dan mengitar semula pendekatan serta dasar sebelum ini. Tindakan mengguna kuasa politik sangat penting dan kritikal. Namun, tidak lagi memadai diteruskan mengikut cara lama.

Kita tidak lagi cuma boleh berharap kepada anjuran dasar dan program kerajaan untuk menemui jalan keluar. Kita juga perlu menegaskan pendekatan strategi institusi, membina institusi baharu, selain melindungi dan memupuk institusi sedia ada, mana yang jelas

dilihat berkesan dalam memperjuangkan agenda besar bangsa dan umat.

Pemimpin politik dan individu yang memegang kuasa mewakili rakyat perlu dipertanggungjawabkan dan akauntabil sepenuhnya ke atas kegagalan atau kejayaan agenda meningkatkan prestasi ekonomi Melayu. Paling penting, pemimpin berkuasa yang bertindak atas agenda politik berkepentingan serong atau peribadi tidak wajar lagi ditoleransi, malah wajib ditentang dan diketepikan. (Lihat Pascakata: Jihad Politik Penentu Masa Depan). Tiada pilihan lain lagi bagi bangsa Melayu dan umat Islam andainya kita ingin mengelakkan kekecewaan dan kehampaan terus berulang.

Jelas, tanpa pembaharuan pendekatan menyeluruh dan strategi berkesan, bukan saja bangsa Melayu dan umat Islam di Malaysia ketinggalan di takuk lama, bahkan pasti terus dipinggir, terketepi, lemah dan kekal bergantung hidup tanpa berdikari. Paling bahaya apabila mereka kehilangan jati diri dan identiti, justeru hanyut umpama buih-buih yang terapung tanpa arah dan tujuan mengikut kederasan arus dorongan kuasa dan pengaruh di luar kawalan mereka.

Penulisan ini bertujuan membangkitkan kesedaran baharu bangsa Melayu dan umat Islam ke arah memperkasa ekonomi menerusi pendekatan institusi dan secara berorganisasi dengan menggunakan kaedah institusi Islam. Ia menganjurkan bisnes diperjuangkan secara kolektif dan kreatif dengan mengadaptasi institusi korporat amanah seperti syarikat milik kerajaan (GLC) dan institusi wakaf, dengan menjadikan Waqaf Korporat sebagai institusi barisan hadapan.

Bangsa Melayu dan umat Islam tidak akan berjaya selagi tidak menjadi umat *alyadul uliya* – bangsa dan umat yang tangannya di atas atau *the upper hand* – yang menguasai harta kekayaan dan berjihad dengannya ke jalan Allah. Sesungguhnya, semua usaha Melayu memburu pembaharuan menerusi usaha menghimpun harta kekayaan